

No. Sebut harga :

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
JALAN PINANG RAJA
32040 SERI MANJUNG
PERAK DARUL RIDZUAN

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Sebut Harga	Harga Simpanan (RM)	Harga Dokumen Senaskah (RM)
1.	PERALATAN ICT (Monitor,CPU,Printer,Laptop)	BIL (4/2020) MPM (JPR) 400-10/2/19	122.00	15.00
2.	MESIN & PERALATAN (Mesin Rumput,Mesin Sandang,Mesin Blower)	BIL (5/2020) MPM (JPR) 400-10/2/19	347.00	15.00
3.	PERABOT (Kerusi pejabat)	BIL (6/2020) MPM (JPR) 400-10/2/19	12.00	15.00
4.	TONG KOMPEKTOR	BIL (7/2020) MPM (JPR) 400-10/2/19	60.00	15.00

2. Aset boleh dilihat pada **1 Julai 2020 (Rabu)** pada jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi di Stor Aset, Sitiawan. Manakala bagi aset **BIL. (7/2020) MPM (JPR) 400-10/2/19**, lawatan tapak di Ayer Tawar adalah pada **8 Julai 2020 (Selasa)**, berkumpul di Lobi Utama pada jam 9.30 pagi. Pegawai yang boleh dihubungi bagi tujuan ini adalah Encik Zulhafizan Bin Omar (05-6898923/8924).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang mana boleh diperolehi di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Majlis Perbandaran Manjung** dengan harga jualan RM15.00. Dokumen sebut harga akan mula dijual pada **29 Jun 2020 (Isnin)** hingga **17 Julai 2020 (Jumaat)**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamat:-

**Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Majlis Perbandaran Manjung
Jalan Pinang Raja
32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **17 Julai 2020 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(SYAMSUL HAZEMAN BIN MD SALLEH, AMP.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Manjung

Alamat : **Majlis Perbandaran Manjung
Jalan Pinang Raja
32040 Seri Manjung
Perak Darul Ridzuan**

Tarikh : **23.06.2020**

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen sokongan berikut :-
 - I. Salinan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan Salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** mengikut kod bidang yang berkaitan (jika ada) untuk syarikat; **ATAU**
 - II. Salinan Kad Pengenalan individu / perseorangan sebelum membeli borang sebut harga.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM 5,000.00** mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang / wang pos / draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**.
4. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (**as-is-where-is basis**).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti **kos menanggal** (dismantle), **mengangkut** dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat bayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **tujuh (7) hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.
10. Dipelawa kepada syarikat atau perseorangan.
11. Pembeli hendaklah mengikut **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ketika hadir membeli borang dan lawatan fizikal ke atas aset.